

A historical map of Southeast Asia, showing various islands and regions. The map is rendered in a sepia tone with some green and red highlights. The title 'Kronika Langkawii' is overlaid in a large, yellow, stylized font with a black outline. The map includes labels for various locations such as 'Lanangson', 'Kosamui', 'Patani', 'Kalian', 'Pular', 'Kroh', 'Pulo Pinang', 'Deli', and 'Bhara'.

# Kronika Langkawii

Editor  
Dr Ibrahim Bakar Langkawi

# Kronika Langkawi

*Kehadapan Yang Dikasilah & Disanjung*

*YAB Tan Dr Mahathir Mohamad*

*DENGAN IZATAN TULUS & KHILAS*

*Ibrahim*

Editor

Dr Ibrahim Bakar Langkawi



2024



PUSTAKA PERDANA



1014054



Kebawah Duli Yang Maha Mulia  
Al-Aminul Karim Sultan Sallehuddin ibni Almarhum Sultan Badlishah  
D.K., D.K.H., D.U.K., D.K. (Kelantan), D.K. (Johor), D.K. (Perak), D.K. (Selangor),  
D.M.K., S.M.D.K., S.H.M.S., S.G.M.K., S.P.M.K., S.S.D.K.  
Sultan Negeri Kedah Darul Aman



Kebawah Duli Yang Maha Mulia  
Sultanah Maliha Binti Tengku Ariff,  
S.H.M.S., S.S.D.K., D.S.D.K.  
Sultanah Negeri Kedah Darul Aman.



Almarhum Sultan Abdul Hamid Halim Shah ibni Sultan Ahmad Tajuddin Mukarram Shah,  
Sultan Kedah ke-26 (1881-1943).

Dalam zaman pemerintahan baginda, pentadbiran daerah Langkawi diswastakan,  
disebut 'Pajak Langkawi'.



Ihsan Izmal Karim / Sumber: National Archives of Thailand

Dato' Wan Muhammad Saman bin Dato' Laksamana Wan Ismail (1830-1898)  
Perdana Menteri Kedah  
Waris Pemegang Daerah Langkawi

## SENARAI SULTAN KEDAH (1136—2023)

BIL.	SULTAN	MULA MEMERINTAH
1	Sultan Al-Mudzaffar Shah I	531 H = 1136 M
2	Sultan Mu'adzam Shah ibni Almarhum Sultan Al-Mudzaffar Shah	13 Safar 575 = 20 Julai, 1179
3	Sultan Muhammad Shah ibni Almarhum Sultan Mu'adzam Shah	8 Syaaban 598 = 3 Mei, 1202
4	Sultan Mudzil Shah ibni Almarhum Sultan Muhammad Shah	13 Jamadilawal 634 = 12 Disember, 1236
5	Sultan Mahmud Shah ibni Almarhum Sultan Muzzil Shah	8 Rabiulakhir 679 = 7 Ogos, 1280
6	Sultan Ibrahim Shah ibni Almarhum Sultan Mahmud Shah	15 Rabiulakhir 721 = 14 Mei, 1321
7	Sultan Sulaiman Shah I ibni Almarhum Sultan Ibrahim Shah	11 Rejab 775 = 27 Disember, 1373
8	Sultan Atha'allah Muhammad Shah I ibni Almarhum Sultan Sulaiman Shah	15 Syaaban 826 = 24 Julai, 1423
9	Sultan Muhammad Jiwa Zainal 'Azilin Shah I ibni Almarhum Sultan Atha'allah Muhammad Shah	15 Syaaban 877 = 15 Januari, 1473
10	Sultan Mahmud Shah II ibni Almarhum Sultan Muhammad Jiwa Zainal 'Azilin Shah	13 Muharram 912 = 5 Jun, 1506
11	Sultan Mudzaffar Shah II ibni Almarhum Sultan Mahmud Shah	13 Zulkaedah 953 = 5 Januari, 1547
12	Sultan Sulaiman Shah II ibni Almarhum Sultan Mudzaffar Shah	14 Safar 1011 = 3 Ogos, 1602
13	Sultan Rijaluddin Muhammad Shah ibni Almarhum Sultan Sulaiman Shah	10 Rejab 1035 = 7 April, 1626
14	Sultan Muhyiddin Mansur Shah ibni Tunku Hussian ibni Almarhum Sultan Rijaluddin Muhammad Shah	1 Zulkaedah 1062 = 4 Oktober, 1652
15	Sultan Dhiauddin Mukarram Shah I ibni Almarhum Sultan Muhyiddin Mansur Shah	13 Jamadilakhir 1072 = 4 Januari, 1662
16	Sultan Atha'allah Muhammad Shah II ibni Almarhum Sultan Dhiauddin Mukarram Shah	3 Jamadilakhir 1099 = 5 April, 1688
17	Sultan Abdullah Muadzam Shah ibni Almarhum Sultan Atha'allah Muhammad Shah	13 Jamadilawal 1110 = 17 November, 1698
18	Sultan Ahmad Tajuddin Halim Shah I ibni Almarhum Sultan Abdullah Muadzam Shah	13 Jamadilakhir 1118 = 22 September, 1706
19	Sultan Muhammad Jiwa Zainal Adilin Mu'adzam Shah II ibni Almarhum Sultan Abdullah Muadzam Shah	26 Syaaban 1122 = 20 Oktober, 1710
20	Sultan Abdullah Mukarram Shah ibni Almarhum Sultan Muhammad Jiwa Zainal Adilin Mu'adzam Shah	1192 H = 1778 M
21	Sultan Dhiauddin Mukarram Shah II ibni Almarhum Sultan Muhammad Jiwa Zainal Adilin Mu'adzam Shah	10 Rabiulawal 1212 = 25 September, 1797
22	Sultan Ahmad Tajuddin Halim Shah II ibni Almarhum Sultan Abdullah Mukarram Shah	13 Jamadilakhir 1219 = 19 September, 1804
23	Sultan Zainal Rashid Mu'adzam Shah I ibni Almarhum Sultan Ahmad Tajuddin Halim Shah	25 Zulhijjah 1260 = 3 Januari, 1845
24	Sultan Ahmad Tajuddin Mukarram Shah ibni Almarhum Sultan Zainal Rashid Mu'adzam Shah	13 Jamadilakhir 1270 = 13 Mac, 1854
25	Sultan Zainal Rashid Mu'adzam Shah II ibni Almarhum Sultan Ahmad Tajuddin Mukarram Shah	2 Rejab 1296 = 22 Jun, 1879
26	Sultan Abdul Hamid Halim Shah ibni Almarhum Sultan Ahmad Tajuddin Mukarram Shah	1 Rabiulawal 1299 = 21 Januari, 1882
27	Sultan Badlishah ibni Almarhum Sultan Abdul Hamid Halim Shah	9 Jamadilawal 1362 = 14 Mei, 1943
28	Sultan Abdul Halim Mu'adzam Shah ibni Almarhum Sultan Badlishah	26 Zulhijjah 1377 = 14 Julai, 1958
29	Al-Aminul Karim Sultan Sallehuddin ibni Almarhum Sultan Badlishah	Dimasyhurkan pada 21 Zulhijjah 1438H = 12 September 2017

TAMAT MEMERINTAH / MANGKAT	TEMPAT SEMAYAM	MAKAM
13 Safar 575 = 20 Julai, 1179	Kota Bukit Meriam	Langgar Diraja Kg Pengkalan Bujang
8 Syaaban 598 = 3 Mei, 1202	Kota Bukit Meriam	Langgar Diraja Kota Bukit Meriam
13 Jamadilawal 634 = 12 Disember, 1236	Kota Bukit Meriam	Langgar Diraja Kota Bukit Meriam
8 Rabiulakhir 679 = 7 Ogos, 1280	Kota Sungai Mas	Langgar Diraja Kota Sungai Emas
15 Rabiulakhir 721 = 14 Mei, 1321	Kota Sungai Mas	Langgar Diraja Kota Sungai Emas
11 Rejab 775 = 27 Disember, 1373	Kota Seputih	Langgar Diraja Kota Seputih
15 Syaaban 826 = 24 Julai, 1423	Kota Seputih	Langgar Diraja Kota Seputih
15 Syaaban 877 = 15 Januari, 1473	Kota Seputih	Langgar Diraja Kota Seputih
13 Muharram 912 = 5 Jun, 1506	Kota Seputih	Langgar Diraja Kota Seputih
13 Zulkaedah 953 = 5 Januari, 1547	Kota Seputih	Langgar Diraja Kota Seputih
14 Safar 1011 = 3 Ogos, 1602	Kota Seputih	Langgar Diraja Kota Seputih
1 Jamadilakhir 1035 = 28 Februari, 1626 (Di Aceh)	Kota Seputih	Makam Pagurawan, Negeri Aceh (Marhum Mangkat di Aceh)
1 Zulkaedah 1062 = 4 Oktober, 1652	Kota Naga	Langgar Diraja Kota Naga, Kubang Pasu (Marhum Naga)
13 Jamadilakhir 1072 = 4 Januari, 1662	Kota Sena	Langgar Diraja Cegar, Jeram, Kubang Pasu (Marhum Sena)
3 Jamadilakhir 1099 = 5 April, 1688	Kota Palas / Kota Indera Kayangan I	Langgar Diraja Kota Indera Kayangan, Perlis (Marhum Kayang I, Marhum ke Hilir, Marhum ke Palas)
13 Jamadilawal 1110 = 17 November, 1698	Kota Bukit Pinang	Langgar Diraja Bukit Pinang (Marhum Bukit Pinang I)
13 Jamadilakhir 1118 = 22 September, 1706	Kota Bukit Pinang	Makam Diraja Langgar (Marhum Bukit Pinang II)
26 Syaaban 1122 = 20 Oktober, 1710	Kota Bukit Pinang	Makam Diraja Langgar (Marhum Bukit Pinang III)
1192 H = 1778 M	Kota Setar	Makam Diraja Langgar (Marhum Kota Setar I, Marhum Kayangan, Marhum ke Kangar)
10 Rabiulawal 1212 = 25 September, 1797	Kota Setar / Kota Anak Bukit	Makam Diraja Langgar (Marhum Muda Kota Setar II)
Letak Jawatan: 13 Jamadilakhir 1219 = 19 September, 1804 Mangkat: 13 Safar 1230 H = 24 Januari 1815	Kota Indera Kayangan II	Makam Diraja Kota Indera Kayangan, Kg. Tok Merehom, Perlis (Marhum Kota Kayang II, Marhum Muda Kayangan)
25 Zulhijjah 1260 = 3 Januari, 1845	Kota Setar / Kota Kuala Kedah / Istana Pulau Tiga	Makam Diraja Langgar (Marhum Melaka)
13 Jamadilakhir 1270 = 13 Mac, 1854	Kota Setar	Makam Diraja Langgar (Marhum Muda Kota Setar III)
2 Rejab 1296 = 22 Jun, 1879	Kota Setar	Makam Diraja Langgar
7 Syawal 1298 = 22 September, 1881	Kota Setar	Makam Diraja Langgar
8 Jamadilawal 1362 = 13 Mei, 1943	Kota Setar / Istana Anak Bukit	Makam Diraja Langgar
25 Zulhijjah 1377 = 13 Julai, 1958	Kota Setar / Istana Anak Bukit	Makam Diraja Langgar
20 Zulhijjah 1438H = 11 September 2017	Kota Setar / Istana Anak Bukit	Makam Diraja Langgar
Kini sedang bertakhta	Kota Setar / Istana Anak Bukit	

# *Kronika Langkawi*

Hak Cipta © PSMCK 2024

Hakcipta terpelihara. Karya yang disiarkan dalam penerbitan ini tidak boleh diterbitkan semula dalam apa-apa jua bentuk dan dengan napa-apa cara, sama ada secara elektronik, fotokopi, mekanik, rakaman atau cara lain sebelum mendapat izin bertulis daripada Editor.

Edisi Pertama 2024

ISBN:

978-967-18853-1-4

DITERBITKAN OLEH

Persatuan Sejarah Malaysia Cawangan Kedah (PSMCK)  
Anjung Sejarah Tunku Nong Jiwa  
d/a Muzium Negeri Kedah,  
Lebuhraya Darul Aman,  
05100 Alor Setar, Kedah Darul Aman.

UNTUK

Lembaga Pembangunan Langkawi  
(Langkawi Development Authority / LADA)  
Kompleks LADA, Peti Surat 60,  
Jalan Persiaran Putra, Pekan Kuah,  
07000 Langkawi, Kedah Darul Aman.  
Tel: 04-9600600

EDITOR

Dr Ibrahim Bakar Langkawi

TEAM PENYELIDIK

Ts K/S Syamsyul Anuar Che Mey @ Ismail

PEMBACA PERUF

Mohamad Puzi A Hadi  
Rahinun Mohd Noor

REKA BENTUK

Dr Ibrahim Bakar

DESAIN KULIT

Asa Mesra Printer

DICETAK OLEH

Asa Mesra Printer  
Bandar Darul Aman,  
06000 Jitra, Kedah Darul Aman.

viii

915.911204  
KRO

PROJEK PENERBITAN BUKU  
KRONIKA LANGKAWI  
2023  
Tajaan oleh  
**LEMBAGA PEMBANGUNAN LANGKAWI**  
Langkawi Development Authority / LADA



PENAUNG

Tuan Haji Nasaruddin bin Abdul Muttalib  
Ketua Pegawai Eksekutif

Pengarah Projek Penerbitan:

Dr. Azmil Munif Mohd Bukhari  
Pengurus Bahagian Pelancongan

Ahli-ahli Jawatankuasa:

Furzannie Hanna bt Arif  
Penolong Pengurus Bahagian Pelancongan

Noor Faiqah Basyirah bt Bahari  
Penolong Pegawai Tadbir Bahagian Pelancongan

Dengan Kerjasama:

**PERSATUAN SEJARAH MALAYSIA CAWANGAN KEDAH**  
(PSMCK)

d/a Anjung Tunku Nong Jiwa,  
Muzium Negeri Kedah,  
Lebuhraya Darul Aman,  
05100 Alor Setar, Kedah Darul Aman.

Tel: 04-734 1817



ix

# SEJARAH LEMBAGA PEMBANGUNAN LANGKAWI (LADA)

Lembaga Pembangunan Langkawi (LADA) ditubuhkan pada 15 Mac 1990.

LADA diperbadankan di bawah Akta Parlimen (Akta 423).

Lembaga Pembangunan Langkawi (LADA) ialah sebuah agensi Badan Berkanun yang dipertanggungjawabkan di bawah Kementerian Kewangan Malaysia untuk membangunkan Pulau Langkawi serta memajukannya sebagai destinasi ekopelancongan utama dunia.

LADA mendapat sokongan daripada kerajaan Persekutuan dan Kerajaan Negeri Kedah melalui gandingan bagi menerajui kepimpinan Jemaah Pengarah LADA demi memastikan hasrat dan matlamat penubuhan tercapai.

PENGURUS BESAR LEMBAGA PEMBANGUNAN LANGKAWI 1990-2021		
Bil.	Nama	Tempoh berkhidmat
1	YBhg. Tan Sri Abdul Halil bin Abd. Mutalib	1990-2000
2	YBhg. Dto' Zainal Karib bin Abd. Rahim	2000-2002
3	YBhg. Dato' Anwar bin Hj. Abd. Rahman	2003-2005
4	YBhg. Dato' Kamarulzaman bin Abdul Ghani	2005-2008
5	YBhg. Dato' Azman bin Umar	2008-2011
6	YBhg. Tan Sri Khalid bin Ramli	2011-2016
7	YBhg. Dato' Haji Azizan bin Noordin	2016-2018
8	YBrs. Dr. Ahmad Hezri bin Adnan	2019-2021
9	YBrs. Haji Nasaruddin bin Abdul Muttalib	2021-2023

## VISI

Menjadi agensi peneraju untuk pembangunan Langkawi sebagai destinasi pelancongan bertaraf dunia.

## MISI

Menggerakkan pelaksanaan pembangunan industri pelancongan Langkawi yang memberi manfaat kepada masyarakat, negeri dan negara melalui perancangan yang strategik serta tadbir urus yang berkesan.

## FUNGSI DAN PERANAN LADA

### *PEMBANGUNAN & SOSIAL EKONOMI*

Memajukan, menggalakkan, memudahkan dan mengusahakan pembangunan ekonomi dan sosial dalam Kawasan Lembaga Pembangunan Langkawi melalui aktiviti pelancongan, komuniti, ekonomi Langkawi, pelancongan dan pelaburan.

### *PELANCONGAN*

Memajukan dan menggalakkan kawasan Lembaga Pembangunan Langkawi sebagai destinasi pelancongan dan Kawasan bebas cukai.

### *INFRASTRUKTUR*

Memajukan, menggalakkan, memudahkan dan mengusahakan pembangunan pelancongan dan infrastruktur serta pembangunan tempat tinggal, pertanian, perindustrian dan komersial dalam Kawasan Lembaga Pembangunan Langkawi (infra / bangunan dan kemudahan).

# KANDUNGAN

	<b>KATA ALU-ALUAN DAN PENGENALAN</b>	i-xvi
<b>1</b>	<b>KRONOLOGI SEJARAH LANGKAWI</b> Oleh: <b>Dr Ibrahim Bakar Langkawi</b>	1-54
<b>2</b>	<b>SEJARAH BUMI DAN AWAL PENGHUNIAN LANGKAWI</b> Oleh: <b>Profesor Dato' Dr Mokhtar Saidin</b>	55-64
<b>3</b>	<b>SEJARAH PENTADBIRAN LANGKAWI</b> Oleh: <b>Ahmad Farhan bin Abdullah @ Zakaria</b>	65-76
<b>4</b>	<b>PERKEMBANGAN PERDAGANGAN DAN PELABUHAN LANGKAWI 850-1887</b> Oleh: <b>Mohd Herman Roslan</b>	77-90
<b>5</b>	<b>KISAH MAHSURI (ca. 1810-1831) DARI SUDUT PANDANGAN SEJARAH dan Lampiran CERITA MAHSURI</b> Oleh: <b>Dr Ibrahim Bakar Langkawi</b>	91-148
<b>6</b>	<b>DATO' KAMA JAYA WAN MUHAMMAD ALI PAHLAWAN LANGKAWI MENENTANG PENJAJAH SIAM DI KEDAH, 1838-1839</b> Oleh: <b>Profesor Emeritus Datuk Dr Abdullah Zakaria Ghazali</b>	149-160
<b>7</b>	<b>PULAU LANGKAWI DALAM ZAMAN PENJAJAHAN JEPUN 1941- 1945</b> Oleh: <b>Haji Ismail Ibrahim</b>	161-168
<b>8</b>	<b>SEPINTAS LALU LANGKAWI SEBELUM DAN SELEPAS PERANG DUNIA KEDUA SERTA ERA KEMERDEKAAN</b> Oleh: <b>Profesor Madya Dr Mohd Kasri Saidon</b>	169-180
<b>9</b>	<b>TABURAN KAMPUNG DAN PENDUDUK LANGKAWI 1960-1970</b> Oleh: <b>Dr Ibrahim Bakar Langkawi</b>	181-222
<b>10</b>	<b>JIKEY KESENIAN TERMASYHUR DI LANGKAWI</b> Oleh: <b>Muhammad Izzat Md Isa</b>	223-232
	<b>BIBLIOGRAFI</b>	233-243
	<b>BIODATA PENULIS</b>	244-247

## **Perutusan**

# **KETUA PEGAWAI EKSEKUTIF LEMBAGA PEMBANGUNAN LANGKAWI (LADA)**

**YBrs. Tuan Haji Nasaruddin bin Abdul Muttalib**



Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh.

Pengiktirafan Langkawi sebagai Geopark dunia yang ke-52 oleh UNESCO pada 1 Jun 2007 lalu telah menjadi tarikan baru dalam mempromosikan Langkawi secara berterusan sebagai destinasi pelancongan pilihan utama pelancong di Malaysia. Pelbagai usaha yang dilakukan dalam mempromosikan Langkawi termasuklah penghasilan kepada karya sejarah mengenai Langkawi.

Syukur alhamdulillah kerana dengan izin-Nya Lembaga Pembangunan Langkawi (LADA) dengan kerjasama Persatuan Sejarah Malaysia Cawangan Kedah (PSMCK) telah berjaya menerbitkan buku Pengkisahan Sejarah Langkawi berjudul *Kronika Langkawi*. Idea penghasilan buku ini adalah sebagai bantuan pemulihan kepada pembangunan produk budaya industri pelancongan Langkawi, semasa negara dilanda wabak COVID-19. Dalam usaha mempromosikan Langkawi, selain daripada aspek pelancongan kita juga turut menitikberatkan kisah-kisah berkaitan sejarah Langkawi untuk tatapan minda pengunjung yang datang ke Langkawi.

Hasrat utama kepada penghasilan buku Pengkisahan Sejarah Langkawi ini adalah untuk menjadikan buku ini sebagai medium rujukan utama para pengkaji dan peminat sejarah serta para pelancong mengenai sejarah Langkawi sejak zaman awal sehingga Langkawi mula dibangunkan pada awal tahun 1990-an.

Akhir sekali saya mengucapkan ribuan terima kasih kepada semua pihak yang telah menyumbang idea dan tenaga dalam penghasilan buku ini. Semoga buku yang dihasilkan ini bermanfaat kepada semua dan semoga Langkawi akan terus menjadi destinasi pilihan pengunjung dan pelancong.

***Kata Alu-aluan***  
**PENGERUSI PERSATUAN SEJARAH  
MALAYSIA CAWANGAN KEDAH  
(PSMCK)**  
**YBrs. Dr Ibrahim bin Haji Bakar**



Bismillahi Rahmanir Rahim. Alhamdulillah Rabbil Alamin. Kita panjatkan kesyukuran kerana Tuhan telah memberikan kelapangan kepada kita bagi menerbitkan buku yang berjudul *Kronika Langkawi* ini. Kejayaan penerbitan buku ini sebahagian besarnya adalah atas dorongan pihak Lembaga Pembangunan Langkawi atau *Langkawi Development Authority* (LADA) yang telah sudi menaja segala pekerjaan berkaitan dengannya. Terima kasih banyak diucapkan kepada Ketua Pegawai Eksekutif (CEO) LADA yang telah sudi menaungi projek penerbitan ini. Kepada Tuan Dr Azmil Munif Mohd Bukhari, Pengarah Bahagian Pelancongan LADA, merangkap Pengarah Geopark & Kelestarian LUGGP diucapkan syabas dan banyak terima kasih kerana sudi turun padang untuk memulakan kerja. Kepada Puan Furzannie Hanna Arif dan Puan Noor Faiqah Basyirah Bahari yang turut bertungkus lumus berusaha dan berfikir menjayakannya diucapkan banyak terima kasih dan syabas.

Kepada pihak penulis yang sudi meluangkan masa dan tenaga diucapkan banyak terima kasih. Kepada Profesor Dato' Mokhtar Saidin sebagai Geologis dan Arkeologis yang dihormati saya rasa terhutang budi atas luangan masa yang diberikan. Demikian juga kepada Profesor Emeritus Datuk Dr Abdullah Zakaria Ghazali yang telah sudi menulis untuk memantapkan buku *Kronika Langkawi* ini.

Tidak lupa kepada penulis-penulis Profesor Madya Dr Mohd Kasri Saidon, Encik Muhammad Farhan Abdullah Zakaria, Haji Ismail Ibrahim, Muhammad Izzat Md Isa serta Encik Mohd Herman Roslan, yang telah menulis untuk menjayakan penerbitan ini diucapkan syabas dan terima kasih atas luangan masa melakukan kajian.

Kepada pihak Ahli-Ahli Jawatankuasa yang terlibat dalam penerbitan ini, jasa mereka akan dikenang oleh masyarakat. Terima kasih juga kepada pihak Arkib Negara Malaysia, Muzium Negeri Kedah, pegawai-pegawai LADA dan orang perseorangan, khusus Tuan Ts K/S Syamsyul Anuar Che' Mey @ Ismail sebagai Penyelidik serta menyediakan beberapa gambar lama, dan kepada Encik Izmal Karim dan Muhammad Aiman Abdullah, yang telah menghulurkan bantuan bagi memudahkan penerbitan ini, terutama sekali yang melibatkan penggunaan gambar-gambar bermaklumat mahu pun gambar-gambar untuk kegunaan hiasan sahaja. Terima kasih juga kepada Tuan Mohamad Puzi A Hadi dan Puan Hajah Rahinun Mohd Noor yang telah sudi meluangkan masa untuk menyemak dengan tekunnya segala kesalahan jalan bahasa dan ejaan perkataan bagi semua artikel yang dihantar kepada Editor.

Kepada seluruh khalayak pembaca, baik yang terlibat dalam pengkajian ilmiah, peminat sejarah dan budaya, yang terlibat dalam industri pelancongan serta pembaca santai, diharap buku ini dapat memberi manfaat. Barangkali buku yang diterbitkan oleh Persatuan Sejarah Malaysia Cawangan Kedah kali ini ditemui banyak kelemahan, anggaplah ia hanya suatu permulaan yang boleh dibaiki kemudian. Namun, memandangkan sukarnya ditemui bahan bacaan ilmiah tentang Pulau Langkawi, dijangka buku *Kronika Langkawi* ini telah mengisi sedikit ruangan yang masih banyak kosong.



# 1 KRONOLOGI SEJARAH LANGKAWI

Oleh: Dr Ibrahim Bakar Langkawi

## Latar Belakang

Pulau Langkawi yang terkenal dengan sejarah dan kisah-kisah legenda, kini merupakan destinasi pelancongan penting dan dikenali seluruh dunia. Pulau Langkawi yang sedang maju dengan cepat terdiri daripada 99 buah pulau, atau 104 buah pulau jika semasa air laut surut.

Kedudukan kepulauan ini kira-kira 30 Km dari Kuala Perlis, 51.5 Km dari Kuala Kedah. Sejak zaman awal Langkawi merupakan tempat singgahan bagi pelayar-pelayar berteduh, mengambil air dan kayu api, juga menjadi mercutanda bagi pelayar-pelayar hendak memasuki Selat Melaka, seolah-olah menjadi penjaga pintu di muka selat itu.

Menurut kajian geologi, batu batan gunung di kepulauan Langkawi terbentuk daripada tiga formasi berlainan, iaitu Formasi Mat Chinchang di barat, yang paling tua, Formasi Singa di tengah dan Formasi Setul di sebelah timur<sup>(1)</sup>. Batu batan Formasi Mat Chinchang terbentuk sejak 600 juta tahun yang lalu, ditandai dengan penemuan fosil siput-siput keluarga Brachiopoda.

Selain itu, kawasan tanah pamah di Langkawi didapati wujud sejak zaman Holocene, sekitar 7000 tahun lalu, ketika itu paras laut sangat tinggi. Setelah bumi semakin sejuk, air laut mulai surut sekitar 5000 tahun lalu, meninggalkan lumpur laut menjadi tanah pamah. Pulau Langkawi, iaitu pulau yang terbesar dalam gugusan, memiliki tanah pamah kira-kira seperempat keluasan. Selebihnya adalah bukit bukau dengan lereng-lerengnya yang indah, diapit oleh paya-paya bakau.

Kawasan pamah wujud di Ulu Melaka, Bayas, Padang Matsirat, Kedawang, Air Hangat dan sedikit di Kuah. Tanah pamah ini dikelilingi oleh banjaran bukit bukau yang membentuk suatu bulatan, bermula dengan Gunung Raya, diikuti banjaran Bukit Sabar, bertemu banjaran Gunung Mat Chinchang. Di sebelah selatannya dikelilingi oleh banjaran Bukit Malut dan Bukit Bayas, melengkapkan suatu bulatan.

Sebatang sungai utama mengalir dari kaki Gunung Raya disebut Sungai Melaka. Kawasan hulunya disebut Ulu Melaka manakala muaranya disebut Kuala Melaka atau Kuala Muda. Ada 3 cabang yang membawa air ke Sungai Melaka, iaitu dari Gunung Raya, dari Bayas dan dari Padang Gaung, kemudian bertemu, melalui Nyiur Cabang, Lubuk Setul, terus ke Padang Mat Sirat, bermuara ke kuala. Sungai ini merupakan sumber air tawar utama di Pulau Langkawi. Sungai-sungai lain berupa sungai paya bakau, terutamanya ialah Sungai Kilim di utara pulau dan Sungai Kubang Badak.

Dalam zaman awal kebanyakan tanah pamah di Langkawi digunakan sebagai sawah padi, lereng-lereng bukit dijadikan huma, ladang atau kampung, kawasan lebih tinggi untuk tanaman dusun. Semenjak tahun 1960-an telah mula ditanam pokok getah Hevea. Menurut catatan sejarah, di lereng-lereng bukit di Langkawi banyak ditanam lada hitam sebagai ladang yang subur, dalam sekitar tahun 1500-an hingga 1700-an. Tanah perbukitan selebihnya merupakan hutan simpanan, di mana penduduk mendapatkan kayu-

1. Jones, CR, 1978. *The Geology and Mineral Resources of Perlis, North Kedah and Langkawi Islands*, halaman 25.

kayan untuk dibina kediaman.

Sebelum tahun 1960-an hutan-hutan di Langkawi merupakan sumber makanan eksotik penduduk Langkawi, seperti pelanduk, burung-burung, siput-siput di hutan bakau serta di batu-batu laut. Di muara sungai yang airnya payau tetapi jernih terdapat sejenis lumut laktut yang boleh dimakan sebagai ulam, manakala di dalam lumpur laut terdapat sejenis timun laut disebut beronok. Gamat dan teripang adalah hasil laut yang dijadikan ubat-ubatan, ditambah dengan sarang burung layang-layang daripada gua-gua batu kapur, menambah keunikan Langkawi.



**Gambar: Beronok, sejenis timun laut, dijadikan juadah eksotik oleh masyarakat Langkawi**

Bagi masyarakat Langkawi lama, kedudukan bukit bukau di sekeliling mereka, diperhatikan dengan saksama, sehingga muncul pula cerita dongeng yang berkaitan dengannya. Antaranya ialah kisah mengenai Gunung Raya dan Gunung Mat Chinchang, dua puncak utama di Langkawi, yang dipisahkan oleh suatu banjaran panjang dikenali sebagai Bukit Sabar atau Sawar.


Kononnya, pada zaman dahulu ada seorang

pemuda iaitu anak kepada Mat Raya, yang berkenan kepada anak perempuan Mat Chinchang untuk dijadikan isterinya. Namun Mat Chinchang kurang menyetujui kerana tidak suka akan perangai anak Mat Raya itu. Walaupun demikian, akhirnya mereka bertemu jodoh juga. Maka suatu kenduri besar pun diadakan. Tetapi, malangnya dalam majlis persandingan kedua-dua mempelai itu, telah berlaku perselisihan besar. Maka berlakulah perkelahian keluarga, masing-masing pihak disertai pula oleh keluarga yang membantu. Dalam keadaan kekalutan itu, banyak peralatan yang rosak. Antaranya, sebiji belanga telah pecah, di tempat yang kini dipanggil Belanga Pecah, sehingga habis kuah di dalamnya tumpah, di tempat yang kini dikenali sebagai pekan Kuah. Terlampau banyaknya kuah yang tumpah hingga mengalir sehingga dihisap ke dalam tanah, di tempat yang kini dikenali sebagai kampung Kisap. Air yang sedang dijerang di dapur juga tumpah, mengalir hingga ke tempat yang bernama kampung Air Hangat sekarang ini<sup>(2)</sup>.

Konon kisahnya, Mat Raya telah sempat ditakik dua kali oleh pihak lawannya, sedangkan musuhnya telah ditakik sebanyak 21 kali. Sedar akan kelemahannya, Mat Chinchang cuba berundur tetapi telah dihadang dari belakang oleh sahabat Mat Raya. Namun, sebelum sempat pergaduhan itu tamat, seorang jiran telah datang di tengah-tengah meleraikan pergaduhan itu. Dalam keadaan kekalutan perkelahian itu datanglah Sang Gedembai menegur perbuatan mereka. Hasilnya, semua mereka terpegun menjadi batu. Hingga sekarang Gunung Raya terdapat dua lekuk, manakala musuhnya disebut orang Gunung Mat Chinchang kerana telah dicincang 21 kali oleh Mat Raya. Di belakang Mat Chinchang terdapat Pulau Adang yang sedang menyekat Mat Chinchang supaya tidak terlepas lari, manakala Mat Sabar kini menjadi Bukit Sabar atau Bukit Sawar, terletak antara Gunung Raya dan Gunung Mat Chinchang. Demikianlah dongengnya.

2. Tunku Thiauddin bin Tunku Zainal Rashid, Ogos 1971. Dua Cerita Dongeng Pulau Langkawi, dalam *Kedah Dari Segi Sejarah, Terbitan Khas Pulau Langkawi (2)*, terbitan Persatuan Sejarah Malaysia Cawangan Kedah, Alor Setar, halaman 41.

Selain itu terdapat juga dongeng berkaitan sejarah awal masyarakat Langkawi. Diceritakan, kononnya sebelum kemasukan agama Islam, pulau ini dikawal oleh seekor ular naga. Kononnya, apabila seseorang raja yang baru menaiki takhta, baginda hendaklah mengorbankan seorang puterinya kepada ular itu. Selain itu, sekiranya hendak dimulakan peperangan dengan sebuah negeri luar maka seorang puteri juga mesti dikorbankan untuknya. Sebagai imbuhan, ular naga itu akan menjaga kesejahteraan penduduk Langkawi dan kampung-kampung mereka. Ia akan menyerang sekiranya musuh luar datang, seperti orang Siam atau Burma.



Gambar: Teripang, sejenis ulat laut, dicatat dalam penulisan lama sebagai *Beche de Mer*, bahan ubat-ubatan dari Langkawi.

Ia juga menjaga laut di Teluk Abbas atau *Bass Harbour* di Teluk Kuah, dengan meregangkan badannya yang panjang. Ia akan memusnahkan perahu-perahu musuh yang masuk. Tetapi pada suatu masa ia tidak 'dijamu' dengan sembah puteri raja. Maka ia pun mengamuk, membunuh orang kampung dan kerbau lembu mereka. Namun

akhirnya keadaan selesai apabila seorang ulama mengadakan upacara doa di pantai, lalu ular itu keluar menelan ulama itu. Akibatnya ular itu menggelupur, lalu meloncat ke gunung Raya dan terus mati di sana<sup>(3)</sup>.

Masyarakat awal yang meneroka pulau ini untuk diduduki telah memilih kuala-kuala sungai, yang kecil dan besar, bagi mendapatkan sumber air tawar mereka. Antara yang terawal ialah pembukaan kampung kawasan Sungai Melaka. Sungai ini agak besar berdekatan muara, sehingga boleh dimudiki oleh perahu-perahu dan tongkang besar. Dipercayai, kampung-kampung awal di Pulau Langkawi ini dibuka di sekitar sungai ini. Kenyataan ini dibuktikan dengan penemuan banyak batu-batu nisan zaman awal, antaranya jenis batu Aceh abad ke 16-17 Masihi. Antara yang terkenal ialah Makam Purba di Ulu Melaka dan banyak makam lama di ulu Padang Saga.

Antara kampung yang awal dibuka ialah Kampung Padang Matsirat, Kampung Lubuk Setul, Kampung Nyiur Cabang, Kampung Bohor, Kampung Bukit Kemboja dan Kampung Ulu Melaka. Namun, dengan sebab gangguan tertentu, seperti peperangan, jumlah penduduk di Langkawi mengalami pasang surutnya.

3

### Nama Langkawi

**N**ama Langkawi telah lama wujud; antara yang terawal tersebut dalam kitab *Merong Mahawangsa*, yang ditulis dalam abad ke-12 Masihi, semasa pemerintahan Sultan Muadzam Shah, ialah *Pulau Langkapuri*<sup>(4)</sup>. Sultan Muadzam Shah, ialah Sultan Kedah yang ke-2, memerintah antara 1179 Masihi hingga 1202 Masihi<sup>(5)</sup>. Sebutan nama Langkapuri itu kemudian perlahan-lahan berubah menjadi Langkawi.

3. Augustin, James F., Ogos 1965. A Fairy-Tale of Old Queda, dalam *Kedah Dari Segi Sejarah, Terbitan Khas Pulau Langkawi* (1), Jilid 1, Bilangan 1, terbitan Persatuan Sejarah Tanah Melayu Cawangan Kedah, halaman 14.

4. Siti Hawa Salleh, 1970. *Hikayat Merong Mahawangsa*, University of Malaya Press, halaman 2.

5. Muhammad Hassan bin Dato' Kerani Muhammad Arsyad, 1928. *At-Tarikh Salasilah Negeri Kedah*, Edisi Cetakan Jawi ke-2, Jelutong Press, Penang, halaman 37.

# Kronika Langkawi



ISBN 978-967-18853-1-4

